

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

### Objektif Dana

**PRULink Asia Equity Fund** adalah dana yang berusaha untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat-syarikat yang diperbadankan atau mempunyai kegiatan terutamanya di rantau Asia Pasifik tidak termasuk Jepun. Rantau Asia Pasifik termasuk tetapi tidak terhad kepada negara-negara ini: Korea, Taiwan, Hong Kong, Filipins, Republik Rakyat Cina, India, Pakistan, Australia dan New Zealand. Dana juga boleh melabur dalam resit deposit [Resit Depositori Amerika (ADRs) dan Resit Depositori Global (GDRs)], sekuriti hutang yang boleh ditukar menjadi saham biasa, saham keutamaan dan waran.

### Strategi Pelaburan & Pendekatan

#### Strategi Pelaburan

Dana mencapai objektifnya dengan melabur dalam instrumen pasaran kewangan lazimnya melalui Eastspring Investments – Asian Equity Fund yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited. **PRULink Asia Equity Fund** boleh melabur dalam mana-mana dana lain atau subdana yang diurus oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited atau mana-mana pengurus dana lain yang ditentukan dari masa ke semasa.

#### Pendekatan Pelaburan Eastspring Investments – Asian Equity Fund

Proses pelaburan menggunakan proses penilaian, penyelidikan dengan konstruksi portfolio yang disiplin pada asasnya. Fokus asasnya adalah pada pemilihan stok, yang selalunya terbukti sebagai punca pulangan lebihan. Terdapat dua langkah dalam proses: Pilihan stok dan pembinaan portfolio. Kerja penyelidikan dan penilaian akan fokus pada pemahaman dorongan jangka masa panjang nilai syarikat-syarikat yang diikuti.

Konstruksi portfolio adalah berbeza dari pemilihan stok dengan objektif eksplisit untuk memaksimumkan pulangan untuk suatu bajet risiko. Proses kajian semula dan maklum balas adalah untuk memastikan portfolio kekal “true to label” untuk kepercayaan dan proses pelaburan serta memastikan portfolio tersebut adalah patuh dengan semua mandat, dari semua aspek.

### Peruntukan Aset

Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam Dana Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.

### Piawaian Prestasi

MSCI Asia ex Japan Index

Untuk maklumat lanjut berkeraan penanda aras, sila layari [www.msci.com](http://www.msci.com).

### Pengurus Dana

Eastspring Investments Berhad (531241-U)

## Yuran & Caj

### Caj Pengurusan Dana

1.50% setiap tahun

### Caj-caj lain, jika ada


Tiada

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Asia Equity Fund	Piawaian Prestasi MSCI Asia Ex-Japan Index
2011	-19.21%	-14.73%
2012	15.65%	18.37%
2013	1.11%	10.77%
2014	12.63%	12.11%
2015	1.91%	11.82%
2016	8.69%	10.56%
2017	22.81%	28.12%
2018	-13.79%	-12.29%
2019	13.58%	16.97%
2020	11.79%	22.96%

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2020

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana perluburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Maklumat tambahan untuk PRULink Asia Equity Fund

PRULink Asia Equity Fund dilabur ke dalam Eastspring Investments – Asian Equity Fund.

Pengurus dana Eastspring Investments – Asian Equity Fund adalah Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana Sasaran. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana Sasaran. Dana Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana Sasaran yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Tahun	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011	
Prestasi Bersih	15.91%	17.40%	14.47%	39.35%	6.01%	-	15.59%	7.84%	3.91%	22.41%	20.75%

Nota: Pulangan atas adalah bagi Eastspring Investments – Asian Equity Fund (Class D)

Sumber: Eastspring Singapore, 31 Disember 2020

Pulangan adalah berdasarkan harga unit pihak ketiga, nilai bersih tanpa yuran dengan dividen dilabur, jika ada, dan dilaporkan dalam USD.

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana perluburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko Pasaran Baru Muncul

Dana melabur terutamanya dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat-syarikat yang diperbadankan, tersenarai atau menjalankan aktiviti utamanya di pasaran baru muncul. Bakal pelabur hendaklah menyedari bahawa pelaburan dalam pasaran baru muncul boleh melibatkan tahap risiko yang lebih tinggi yang boleh menjelaskan nilai pelaburan mereka berikutnya proses perkembangan ekonomi dan politik yang sedang dihadapi oleh sesetengah negara ini. Antara lainnya, pelaburan dalam pasaran baru muncul melibatkan risiko seperti sekatan ke atas pelaburan asing, risiko kaunterparti, kemeruapan pasaran yang lebih tinggi dan ketakcairan aset syarikat bergantung pada keadaan pasaran dalam pasaran baru muncul. Tambahan pula, syarikat mungkin tertakluk kepada pengawasan negara dan perundangan terbeza yang kurang. Pelabur perlu mengambil kira bahawa jumlah dagangan dalam pasaran baru muncul mungkin kurang daripada pasaran saham utama dunia dan mungkin perlu diurusniagakan pada harga yang tidak menguntungkan.

# **PRU**Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Portfolio**

Dana ini disasarkan kepada pelabur yang boleh menerima risiko-risiko yang dikaitkan dengan melabur terutamanya dalam jenis sekuriti yang dipegang dalam Dana ini. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko-risiko yang dikaitkan dengan ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, termasuk turun naik harga pasaran, maklumat penerbit atau maklumat pasaran yang tidak menggalakkan dan hakikat bahawa hak bayaran faedah ekuiti dan berkaitan ekuiti adalah kurang penting berbanding dengan sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap akan tertakluk kepada risiko yang dikaitkan dengan sekuriti hutang, termasuk risiko kredit dan kadar faedah, dan risiko tambahan yang dikaitkan dengan sekuriti hutang kadar hasil tinggi, penyertaan pinjaman dan sekuriti derivatif. Selain itu, pelabur juga hendaklah menyedari tentang risiko-risiko yang dikaitkan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka digunakan oleh Dana ini.

## **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana Sasaran. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

Pelaburan dasar Dana Sasaran atau Sub Dana mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran atau Sub Dana. Prestasi Dana Sasaran atau Sub Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran atau Sub Dana.

## **Risiko Derivatif**

Derivatif mungkin digunakan untuk melindung nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada risiko mata wang.

Dana Sasaran atau Sub Dana mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Sub Dana mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran atau Sub Dana ini. Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Sub Dana tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakan untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran atau Pengurus Sub Dana tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran atau Sub Dana ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindung nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindung nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran atau Sub Dana.

# **PRU**Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Politik dan/atau Kawal Selia**

Nilai aset Dana mungkin dipengaruhi oleh ketaktentuan seperti perkembangan politik, perubahan dalam dasar-dasar kerajaan, perubahan dalam percuakan, sekatan ke atas pelaburan asing dan penghantaran pulang mata wang, turun naik mata wang dan perkembangan lain dalam undang-undang dan peraturan-peraturan negara di mana pelaburan mungkin dibuat. Tambahan pula, rangka asas undang-undang serta piawai perakaunan, pengauditan dan pelaburan di negara-negara tertentu di mana pelaburan dibuat mungkin tidak menyediakan tahap perlindungan pelabur atau maklumat kepada pelabur yang sama seperti yang biasanya disediakan dalam pasaran sekuriti utama. Sekatan pemilikan asing dalam sesetengah pasaran boleh bermakna bahawa kelayakan tindakan korporat berkaitan dengan pelaburan Dana mungkin tidak sentiasa diperolehi atau mungkin terbatas.

## **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan dalam harga pasaran pelaburan. Perubahan itu mungkin khusus kepada sekuriti individu atau penerbitnya atau faktor-faktor yang mempengaruhi semua sekuriti yang diniagakan dalam pasaran atau gabungan kesemuanya. Ia boleh disebabkan oleh pelbagai faktor, antara lainnya, pergerakan kadar faedah, kemeruapan saham, kadar pertukaran asing dan harga saham. Risiko ini boleh dikurangkan dengan melabur dalam portfolio sekuriti yang cukup terpelbagai daripada sektor pasaran yang berbeza. Langkah ini boleh menolong mengurangkan risiko ini supaya kejatuhan mana-mana satu sekuriti atau mana-mana satu sektor pasaran tidak akan mendatangkan kesan yang terlalu besar ke atas nilai dana.

## **Risiko Kaunterparti**

Dana akan terdedah kepada risiko kredit ke atas kaunterparti yang tengannya ia berurus niaga. Dana ini akan tertakluk kepada kemungkinan ketakmampuan bayar, kemuflisan atau keingkaran kaunterparti yang tengannya Dana berurus niaga, yang boleh mengakibatkan kerugian besar kepada Dana.

## **Risiko Syarikat Kecil**

Pelaburan dalam sekuriti syarikat-syarikat kecil boleh melibatkan risiko yang lebih tinggi daripada risiko yang biasanya dikaitkan dengan syarikat yang lebih besar dan lebih mantap. Syarikat-syarikat kecil mempunyai barisan produk, pasaran atau sumber kewangan yang terhad dan mungkin bergantung kepada bilangan individu penting yang terhad untuk pengurusannya.

## **Risiko Caj Ke Atas Modal**

Apabila objektif pelaburan Dana ialah untuk memberi keutamaan yang lebih tinggi atau setara (dalam jangka panjang) kepada penjanaan pendapatan berbanding dengan pertumbuhan modal, maka kesemua atau sebahagian daripada yuran dan caj, setelah ditolak kesan cukai atribut, mungkin dikenakan ke atas modal dan bukannya ke atas pendapatan dan boleh mengekang pertumbuhan modal Dana.

Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.

*Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

# **PRU**Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## **Pengurusan Risiko**

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko dan kawalan pematuhan untuk mengurus risiko-risiko:

### **a) Pematuhan Sebelum Perdagangan**

Di mana-mana yang mungkin, semua akitiviti-aktiviti Instrumen Kewangan Derivatif (FDI) dan pendedahan-pendedahan diawasi dengan suatu system pematuhan sebelum perdagangan bagi kesemua perniagaan itu. Peraturan-peraturan dan garis panduan ditetapkan dalam sistem supaya pelanggaran yang mungkin berlaku boleh dikenal pasti sebelum suatu perdagangan dibuat. Satu proses “escalate” dibuat untuk memastikan bahawa parti-parti yang terlibat diberitahu apabila suatu isu buruk berpotensi menjadi.

### **b) Risiko Portfolio**

Pengurus Dana akan menggunakan teknik kuantitatif untuk mengenal pasti kesesuaian menggunakan FDI. Kumpulan pelaburan akan menggunakan beberapa cara untuk membina portfolio dan mengendalikan analisis risiko yang melibatkan sifar-sifat risiko/pulangan. Kumpulan pelaburan akan mengenal pasti, mengurus dan mengawas risiko pelaburan dengan matlamat mencapai objektif Subdana.

### **c) Risiko Kounterparti**

Pengurus Dana mempunyai pengurusan risiko kredit dan prosedur kawalan untuk menaksir, mengawas dan lingkungan kredit dan risiko kounterparti bagi semua kelas aset dan bes pelanggan. Kajian semula kounterparti dibuat selalu untuk mentaksir mana-mana perubahan dalam nilai kredit dan kemampuan untuk mencapai kewajipan kontraknya.

### **d) Risiko Kesilapan**

Tambahan pula, Pengurus Dana mempunyai kumpulan risiko pelaburan bebas yang bekerja dengan setiap kumpulan pelaburan untuk memastikan bahawa semua kawalan risiko yang perlu dan metriks risiko ditempatkan. Kumpulan risiko pelaburan akan membuat laporan kepada jawatankuasa daerah yang mempunyai tanggungjawab untuk memastikan setiap unit perniagaan menjalankan operasi mengikut polisi pengurusan risiko dan rangkaian yang disediakan.

Pengurus Dana akan memastikan bahawa pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil adalah mencukupi dan ia mempunyai kepakaran untuk mengawal dan mengurus risiko-risiko berkaitan dengan penggunaan FDI.

Pengurus Dana mungkin menukar pengurusan risiko dan tatacara pematuhan dan kawalan yang diambil dari masa ke semasa untuk kebaikan Subdana.

# **PRU**Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan sehingga 15 Julai 2022

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none"><li>Pelabur yang mencari nilai modal yang meningkat.</li><li>Daya toleransi risiko tinggi.</li><li>Pengalaman pelaburan dalam jangka masa panjang.</li></ul>
• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none"><li>Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>Harga unit bagi dana <b>PRU</b>Link Global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRU</b>Link Global selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>Syarikat akan menilai dana-dana <b>PRU</b>Link Global tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRU</b>Link Global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRU</b>Link Global akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none"><li>Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRU</b>Link Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian</li><li>Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRU</b>Link Global.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	PRULink Asia Equity Fund adalah dana yang berusaha untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat-syarikat yang diperbadankan atau mempunyai kegiatan terutamanya di rantau Asia Pasifik tidak termasuk Jepun. Rantau Asia Pasifik termasuk tetapi tidak terhad kepada negara-negara ini: Korea, Taiwan, Hong Kong, Filipins, Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia, Republik Rakyat Cina, India, Pakistan, Australia dan New Zealand. Dana juga boleh melabur dalam resit deposit [Resit Depositori Amerika (ADRs) dan Resit Depositori Global (GDRs)], sekuriti hutang yang boleh ditukar menjadi saham biasa, saham keutamaan dan waran.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana ini akan melabur terutamanya dalam dana-dana pelaburan [Dana(-dana) Sasaran] untuk mencapai objektif pelaburan. Dana(-dana) Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan ke, atau Dana(-dana) Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.  <i>Nota: Rujuk kepada maklumat tambahan untuk butir-butir Dana(-dana) Sasaran.</i>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV dalam Dana Sasaran yang ditentukan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	Piawaian prestasi aras mungkin berubah mengikut Dana(-dana) Sasaran dasar. Penanda aras dana adalah:  MSCI Asia ex Japan Index  <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)

## Yuran & Caj

Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada


# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

PRULink Asia Equity Fund Vs. MSCI Asia ex Japan Index



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Asia Equity Fund	Piawaian Prestasi MSCI Asia ex Japan Index
2011	-19.21%	-14.73%
2012	15.65%	18.37%
2013	1.11%	10.77%
2014	12.63%	12.11%
2015	1.91%	11.82%
2016	8.69%	10.56%
2017	22.81%	28.12%
2018	-13.79%	-12.29%
2019	13.58%	16.97%
2020	11.79%	22.96%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2020

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Notis: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan / dasar, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

## Maklumat Tambahan untuk PRULink Asia Equity Fund

Sejak pelancaran Dana sehingga 15 Julai 2022, PRULink Asia Equity Fund melabur dalam Dana Sasaran iaitu Eastspring Investments – Asian Equity Fund diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Berkuatkuasa bermula dari 16 Julai 2022, pelaburan Dana akan diperuntukkan semula ke Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund [“Dana Sasaran”] yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad dan JPMorgan Funds - Asia Growth Fund A (acc) - USD [“Dana Sasaran”] yang diuruskan oleh JP Morgan Asset Management (Asia Pacific) Limited.

Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund [“Dana Sasaran”] bermatlamat untuk memberikan peningkatan modal dengan melabur sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah asetnya dalam ekuiti-ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, seperti ADRs, isu-isu hak dan waran, yang bermastautin, tersenarai, dan/atau mempunyai operasi-operasi yang signifikan di rantau Asia Pacifik tidak termasuk Jepun. Pelaburan Dana Sasaran juga mungkin termasuk aset cair sehingga 25% daripada jumlah asetnya.

Prestasi dana bagi dasar Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014
Prestasi Bersih	26.94%	20.04%	15.61%	18.84%	-	8.24%	0.4%*

\* Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

*Sumber: Lipper IM dan Bloomberg pada 31 Disember 2020*

JPMorgan Funds - Asia Growth Fund A (acc) - USD [“Dana Sasaran”] bermatlamat untuk memberikan pulangan jangka panjang dengan melabur sekurang-kurangnya 67% daripada jumlah aset-aset dalam portfolio pertumbuhan ekuiti yang berat sebelah daripada syarikat yang bermastautin, atau menjalankan bahagian utama aktiviti ekonomi mereka, di negara Asia (tidak termasuk Jepun), termasuk pasaran-pasaran baru muncul. Dana Sasaran akan melabur lebih kurang 40-60 syarikat dan mungkin melabur dalam syarikat-syarikat permodalan kecil. Dana Sasaran juga mungkin tertumpu dalam sekuriti, sektor dan pasaran yang terhad dari semasa ke semasa.

Dana Sasaran boleh melabur dalam China A-Shares melalui Program Stock Connect China-Hong Kong.

Prestasi dana bagi dasar JPMorgan Funds - Asia Growth Fund A (acc) - USD pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Tahun	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011
Prestasi Bersih	34.3%	26.3%	-12.5%	48.2%	4.2%	-8.9%	-2.5%	8.2%	19.8%	-20.8%

*Nota: Pulangan atas adalah bagi Dana Sasaran yang denominasi dalam USD.*

*Sumber: J.P.Morgan Asset Management pada 31 Disember 2020*

Yuran pengurusan boleh dikenakan pada peringkat Dana dan/atau Dana(-dana) Sasaran. Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50% setahun, yang merupakan gabungan bagi caj pengurusan dana tahunan pada peringkat Dana dan Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Bursa ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif yang lain mungkin dikenakan yuran tambahan pada peringkat Dana Sub dan Sasaran yang diambil sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan untuk meningkatkan prestasi dana.

## Risiko-Risiko Pelaburan bagi PRULink Asia Equity Fund

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

#### **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya, dijejaskan oleh, di antara lain-lain, kestabilan ekonomi dan politik. Jika pasaran di mana Dana ini melabur mengalami kelembapan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan bagi Dana ini.

#### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan tidak boleh dijual akibat ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua adalah di mana pelaburan tersebut merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana ini untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti yang ketat.

#### **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

#### **Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko am yang mempengaruhi dana konvensional. Perkara ini tetap terjadi walaupun dana konvensional hanya melabur dalam pelaburan yang mengikut mandat. Sebab untuk ini adalah kerana tahap kadar faedah yang tinggi akan menjelaskan keuntungan syarikat yang tidak dapat dielakkan dan memberi kesan kepada nilai kedua-dua ekuiti dan sekuriti hutang. Risiko ini amat penting dalam dana bon kerana pengurusan

# **PRU**Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

portfolio bon bergantung kepada ramalan pergerakan kadar faedah. Harga bon bergerak bertentangan dengan pergerakan kadar faedah, oleh itu apabila kadar faedah meningkat, harga bon menurun dan sebaliknya. Tambahan pula, bon dengan tempoh matang yang lebih panjang dan kadar keuntungan yang lebih rendah adalah lebih sensitif terhadap pergerakan kadar faedah.

## **Risiko Kredit / Kemungkiran**

Bon adalah terdedah kepada risiko kredit / kemungkiran sekiranya penerbit instrumen tersebut menghadapi masalah kewangan, yang boleh mengurangkan kebolehpercayaan kredit mereka. Ini mungkin boleh menjurus kepada pengingkaran dalam pembayaran wang pokok dan faedah.

## **Risiko Ketidakpatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidakpatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membetulkan ketidakpatuhan dan maka menjelaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalaman telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalaman Pengurus Dana dengan berterusan.

## **Risiko Tumpuan**

Ini adalah risiko dana memberi tumpuan sebahagian besar asetnya dalam pilihan pelaburan yang lebih kecil. Kejatuhan harga ekuiti tertentu dan / atau pelaburan pendapatan tetap akan memberi kesan yang lebih besar kepada dana dan dengan itu menyebabkan kerugian lebih besar. Risiko ini boleh dikurangkan oleh pengurus dengan melakukan analisis asas yang lebih teliti sebelum melabur dalam setiap sekuriti.

## **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kecekapan dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai kekurangan dalam kualiti-kualiti di atas, ia mungkin akan memberi kesan buruk kepada prestasi Dana.

## **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana(-dana) Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar pertukaran antara mata wang MYR dan mata wang denominasi Dana(-dana) Sasaran. Di mana berkenaan, instrumen lindung nilai mata wang atau kelas dana lindung nilai mata wang daripada Dana(-dana) Sasaran mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

## **Risiko Derivatif**

Derivatif (e.g. kontrak depan mata wang) mungkin digunakan untuk melindung nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana(-dana) Sasaran, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

## **Risiko Portfolio**

Dana ini bertujuan untuk pelabur yang boleh menerima risiko yang berkaitan dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti yang dipegang dalam Dana. Pelaburan dalam ekuiti akan tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan ekuiti dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti, termasuk naik turun harga pasaran, penerbit buruk atau maklumat pasaran dan hakikat bahawa ekuiti dan faedah yang berkaitan dengan ekuiti adalah lebih rendah dalam hak pembayaran dari sekuriti korporat lain, termasuk sekuriti hutang. Begitu juga, pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan sekuriti hutang termasuk risiko kredit dan risiko

# **PRU**Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

kadar faedah, dan risiko tambahan yang berkaitan dengan sekuriti hutang hasil tinggi, penyertaan dalam pinjaman dan sekuriti derivatif. Di samping itu, pelabur harus sedar tentang risiko yang berkaitan dengan teknik pengurusan aktif yang dijangka akan digunakan oleh Dana.

## **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana(-dana) Sasaran atau Dana(-dana) Sub (secara kolektif dikenali sebagai “Dana(-dana) Sasaran”)**

### **Risiko Sekuriti**

Pergerakan harga yang buruk sekuriti tertentu dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran boleh memberi kesan negatif kepada nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pengurus Dana(-dana) Sasaran berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti tertentu melalui kepelbagaiannya portfolio, yang akan membantu dalam penyebaran unsur risiko.

### **Risiko Pengurusan Dana(-dana) Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana(-dana) Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana(-dana) Sasaran dan objektif pengurusan akan dipenuhi adalah tidak dijamin. Ini mungkin menyebabkan pemegang-pemegang polisi mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana(-dana) Sasaran.

Dana(-dana) Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana(-dana) Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang mana Pengurus Dana menganggapnya lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini.

### **Risiko Kesilapan dalam Pengiraan Nilai Aset Bersih Dana(-dana) Sasaran**

Terdapat kemungkinan wujudnya kesilapan dalam pengiraan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Sekiranya kesilapan itu berlaku, nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran akan terjejas dengan itu, Dana(-dana) Sasaran akan mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam peruntukan peraturan berkaitan yang berkenaan dengan Dana(-dana) Sasaran. Pampasan, jika ada, yang dibayar oleh Dana(-dana) Sasaran (tertakluk kepada undang-undang bidang kuasa di mana Dana(-dana) Sasaran itu bermastautin), akan dikreditkan kepada Dana ini sebagaimana dan apabila pampasan diterima.

Memandangkan perkara tersebut di atas, pemegang-pemegang polisi perlu sedar bahawa terdapatnya keadaan di mana baik Dana(-dana) Sasaran maupun Pengurus Dana tidak akan terikat untuk membayar pampasan kepada pemilik benefisial yang terakhir.

### **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan ini merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana kecairan Dana(-dana) Sasaran yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penebusan. Senario kedua adalah di mana Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil. Sekiranya pelaburan dalam Dana(-dana) Sasaran merupakan dagangan kecil, ini boleh menyebabkan Dana(-dana) Sasaran untuk melepaskan pelaburan tersebut pada harga yang tidak menguntungkan di pasaran dan boleh memberi kesan negatif kepada pelaburan pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan keselamatan yang ketat.

### **Risiko Tumpuan**

Dana Sasaran mungkin melabur sebahagian besar asetnya dalam sebilangan kecil sekuriti, penerbit, industri, sektor, atau dalam kawasan geografi yang terhad yang mungkin mengakibatkan lebih banyak turun naik dan mempunyai risiko kerugian yang lebih besar daripada Dana yang melabur secara lebih luas. Apabila Dana Sasaran tertumpu di negara, wilayah, atau sektor tertentu, kinerjanya akan lebih dipengaruhi oleh keadaan politik, ekonomi, persekitaran atau pasaran di kawasan tersebut atau mempengaruhi sektor ekonomi itu.

# **PRU Link Asia Equity Fund**

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Negara-negara atau Sekuriti-sekuriti Asing**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti-sekuriti tersenarai atau bermastautin di negara-negara selain daripada negara mastautin. Sebarang perubahan-perubahan dalam asas ekonomi, kestabilan sosial dan politik, ketidakpastian atau perubahan dalam mata wang rasmi negara, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing di negara-negara ini boleh meningkatkan turun naik dalam nilai-nilai aset, kecairan dan risiko kemungkiran yang mungkin mempunyai kesan ke atas harga-harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana(-dana) Sasaran dan maka juga boleh menjelaskan nilai aset bersih Dana(-dana) Sasaran. Pelaburan di pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti-sekuriti mungkin dilarang dan dihad disebabkan oleh keperluan kawal selia. Sekatan-sekatan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan memberi kesan negatif kepada kecairan sekuriti dan harga yang berkaitan dengan sekuriti. Pengurus Dana(-dana) Sasaran akan memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset-aset Dana(-dana) Sasaran diperuntukkan. Di samping itu, Pengurus Dana(-dana) Sasaran juga akan menggunakan proses pelaburan yang sistematik, yang merangkumi penilaian yang kerap, untuk menguruskan dan mengurangkan risiko ini.

## **Sektor Risiko Khusus**

Di mana pelaburan dibuat dalam satu atau dalam sejumlah pasaran sektor yang terhad, Dana(-dana) Sasaran mungkin jadi lebih tidak stabil daripada Dana(-dana) lain yang lebih pelbagai. Syarikat-syarikat dalam sektor ini mungkin mempunyai barisan produk, pasaran, atau sumber kewangan yang terhad, atau mungkin bergantung pada kumpulan pengurusan yang terhad. Dana Sasaran tersebut juga mungkin akan terdedah pada perubahan kitaran yang cepat dalam aktiviti pelabur dan / atau penawaran dan permintaan produk dan perkhidmatan tertentu. Akibatnya, kemerosotan pasaran saham atau ekonomi di sektor tertentu yang relevan atau sektor-sektor akan memberi kesan yang lebih besar pada Dana Sasaran yang menumpukan pelaburannya di sektor tersebut atau sektor-sektor daripada Dana yang lebih pelbagai. Faktor risiko khas yang berkaitan dengan sektor individu juga mungkin ada.

## **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana(-dana) Sasaran ini mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berlainan daripada mata wang Dana(-dana) Sasaran. Prestasi Dana(-dana) Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang pelaburan dasar dan mata wang Dana(-dana) Sasaran.

## **Risiko Caj-Caj kepada Modal**

Caj-caj dan perbelanjaan Dana(-dana) Sasaran adalah diambil daripada modal, secara keseluruhan atau sebahagian, menyebabkan kemungkinan kekangan pertumbuhan modal.

## **Sekatan pada Pelaburan Asing**

Beberapa negara melarang atau mengenakan sekatan-sekatan yang teguh pada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh entiti-entiti asing. Terdapat juga keadaan di mana pesanan pembelian kemudiannya gagal kerana peruntukan yang dibenarkan kepada pelabur-pelabur asing telah diisi, melucutkan keupayaan Dana(-dana) Sasaran untuk membuat pelaburan yang diingini pada masa tersebut.

## **Risiko Derivatif**

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko-risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

# PRU Link Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana(-dana) Sasaran ini. Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakan untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus(-pengurus) Dana Sasaran tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana(-dana) Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindung nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindung nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana(-dana) Sasaran.

## Risiko Berkaitan dengan pelaburan melalui Stock Connect

Undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan Stock Connect adalah tertakluk kepada perubahan yang mungkin mempunyai kesan negatif. Stock Connect tertakluk kepada had-had kuota. Kalau penggantungan dalam program perdagangan berlaku, keupayaan Dana Sasaran untuk melabur di China A-Shares atau mengakses pasaran PRC melalui program akan terjejas dengan ketara. Dalam keadaan demikian, keupayaan Dana Sasaran untuk mencapai objektif pelaburannya mungkin terjejas.

*Perkara di atas tidak sepatutnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatutnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatutnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

## Pengurusan Risiko

### Risiko Peramalan

Risiko yang berpotensi diambil kira dalam proses peruntukan sektor dan pemilihan saham berdasarkan analisis dalam pelbagai faktor utama seperti keadaan ekonomi, keciran, aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti.

### Kawalan Sistem

Parameter risiko ditetapkan secara dalaman bagi setiap dana, bergantung kepada profil risiko pelanggan. Parameter risiko termasuk had pertaruhan penerbit, penerbit kumpulan, ketarafan sektor dan saiz terbitan sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Sistem pejabat depan ditempatkan untuk memantau risiko portfolio, bertindak sebagai penapis automatik untuk sebarang had-had atau pelanggaran.

# PRULink Asia Equity Fund

Diperkenalkan dari 16 Julai 2022 dan seterusnya

Semua data seperti pada 31 Disember 2020 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran	Dana ini sesuai untuk Pemegang-pemegang polisi yang:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari peningkatan modal yang tinggi dalam tempoh pelaburan jangka masa panjang.</li><li>• Mempunyai toleransi risiko yang tinggi.</li></ul>
• Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi Dana ini pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan dengan nilai dana dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana <b>PRU</b>Link Global selepas pemotongan belanja bagi pengurusan, memperolehi, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“Prudential”) ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset Dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Prudential akan menilai pelbagai Dana-dana <b>PRU</b>Link Global pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai pelaburan Dana-dana <b>PRU</b>Link Global dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti, Harga Unit dana <b>PRU</b>Link Global akan ditentukan oleh Prudential pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Pemegang Polisi selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat kepada nilai dana untuk memulihkan sebarang amaan di mana Dana ini telah atau dijangka untuk membayar bagi penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Prudential tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% daripada mana-mana Dana <b>PRU</b>Link Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian.</li><li>• Prudential juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, apabila terdapat jumlah besar jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Prudential mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana Dana <b>PRU</b>Link Global.</li></ul>

*Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.*